



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Anggota polis maut dalam kemalangan

PORT DICKSON, Jumaat. — Seorang anggota polis tambahan dari Unit Kawalan Kawasan (UKK), Mohamad Yusof bin Sanusi, 23, mati di Hospital Besar Seremban setelah motosikal yang ditunggangnya berlanggar dengan sebuah bas di Batu 1, Jalan Seremban di sini,

semalam.

Menurut polis, kejadian itu berlaku kira-kira jam 11.00 pagi ketika Mohamad Yusof dari unitnya di Bukit Pelandok, dekat sini menunggang motosikalnya menghala ke Seremban manakala bas yang membawa 20 orang penumpang itu menghala ke bandar Port Dickson.

PERDANA Menteri, Datuk Hussein Onn (kiri), disambut oleh Pengerusi Cathay Organisation, Encik Choo Kok Leong untuk menyaksikan tayangan filem perdana bertajuk *The Empire Strikes Back* di Kuala Lumpur kelmarin.

Tayangan perdana anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isti-isteri Menteri dan Timbuan Menteri (BAKTI) bertujuan mengutip derma untuk orang-orang cacat.

Kutipan \$400,000 dapat dihasilkan dari tayangan tersebut di mana \$1,000 didermakan kepada

## PM tonton tayangan perdana di Cathay

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Methodist, Teluk Anson untuk membeli alat-alat pancaragam kanak-kanak buta di sekolah tersebut. — Gambar Berita Harian.